



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

MODUL SANTAK

Strategi Anak Nogoghi Tingkat Akademik Kendiri

BAHASA MELAYU SPM
(MURID BERKEPERLUAN KHAS)
KERTAS 2 (1103/ 2)

NEGERI SEMBILAN

Dengan kerjasama:

Sektor Pendidikan Khas
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

Unit Pendidikan Khas
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

BAHASA MELAYU

(MURID BERKEPERLUAN KHAS)



JURULATIH UTAMA



Norazeen Binti Mahmud (SMK Juasseh)



Rozilah Binti Mohamed (SMK Juasseh)

EDITOR



Mohd Zaidee Bin Samsudin (SMK Tuanku Muhammad)



Syazwani Binti Saiuti (SMK Zaba)

PEREKA BENTUK



Siti Rasidah Binti Samsi
(SMK Senaling)

ILUSTRATOR



Sonatul Mardhiah Binti Mohd Suhaimi
(SMK Jelai, Kuala Pilah)

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU



Siti Shazwana Binti Mohamad Noor (SMK Tunku Besar Burhanuddin)



Khalisah Binti Mohammad Noor (SMK Datuk Undang Abdul Manap)

BAHAGIAN A

1. MORFOLOGI

2. SINTAKSIS

3. PENYUNTINGAN

4. BAHASA MELAYU
STANDARD

5. PERIBAHASA

BAHAGIAN B

6. PETIKAN UMUM

7. PETIKAN SASTERA

8. NOVEL

BAHAGIAN C

9. RUMUSAN

PANDUAN GURU PEMBIMBING PENDIDIKAN KHAS

Kertas 2 terbahagi kepada 3 bahagian (A, B dan C). MBK diminta menjawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

1. Merangkumi soalan tatabahasa (5 bahagian) morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa melayu standard dan peribahasa.
2. Memandu MBK untuk membaca dan memahami soalan.
3. Membimbing dan membantu MBK menggunakan Bahasa Melayu yang betul dan tepat berpandukan buku teks.
 - a) ayat dasar
 - b) pola ayat
 - c) jenis-jenis ayat
 - d) kata hubung
 - e) kata ganti nama
 - f) Ayat aktif/ayat pasif dan lain-lain.
4. Penekanan dan mengajar **satu peribahasa bagi setiap sesi pengajaran**. (Kaitkan dengan persekitaran dan pengalaman sedia ada, situasi atau penceritaan)
5. Terdapat dua buah buku Komsas dan Novel SPM KSSM. Guru digalakkan membaca buku teks terlebih dahulu sebelum merujuk kepada bahan bacaan tambahan sebelum membantu MBK.
6. Dedahkan murid tayangan video cerita Melayu Klasik untuk menguasai laras bahasa melayu klasik.

Bahagian B

1. Membimbing MBK untuk mentafsir dan memahami bahan yang dikemukakan dalam soalan.
2. Membimbing MBK untuk memahami setiap petikan dan bahan terlebih dahulu dan kenal pasti perkaitan antara setiap bahan yang diberi.
3. Fahami kehendak soalan.
4. Memberi pendedahan dan latihan kepada MBK bagi menguasai ayat tunggal dan ayat majmuk. (penggunaan kata hubung untuk menjawab soalan).

Novel

5. Menguasai dua novel bagi setiap zon (tingkatan empat dan lima). Namun guru pembimbing perlu memahirkan MBK untuk menjawab soalan Bahagian A yang merangkumi semua novel bagi semua zon.
6. Bagi Bahagian A, soalan adalah merangkumi semua novel bagi semua zon. Guru pembimbing perlu melatih murid menjawab soalan di bahagian ini.
 - Soalan adalah berbentuk umum.
 - MBK boleh menjawab soalan meskipun tidak mempelajari dan mengkaji novel tersebut.
 - Contoh soalan umum : nilai, pengajaran yang ada dalam petikan.

Bahagian C

1. Membimbing MBK mentafsir bahan yang pelbagai (melebihi satu bahan).
2. Mengenalpasti fokus / idea utama setiap bahan (minimum dua bahan).
3. Garisi kata inti bagi setiap bahan bagi memandu MBK untuk mengenali fokus / idea.
4. Fahami MBK berkaitan arahan dan kehendak soalan.
5. Bina ayat sendiri dengan TIDAK meniru bulat-bulat ayat petikan. (tukar beberapa perkataan yang sinonim atau bina ayat lain).
6. Gabungan bagi semua fokus/ idea (bergantung kepada beberapa bahan yang diberi) dalam bentuk ayat majmuk.
7. Gunakan penanda wacana sebagai pendahuluan rumusan.
8. Huraian bagi setiap fokus berada di perenggan yang berikutnya.
9. Penutupan : kesimpulan-usul konkrit.



Modul Aktiviti SPM KSSM Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 1

MORFOLOGI : LATIHAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja** dan **dua kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri** daripada perkataan yang **dipilih** untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Pulau Mutiara

Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar sekali. Perjalanan agak jauh tetapi tidak membosankan. Lagu-lagu daripada stesen radio tempatan yang disulami sembang santai bersama-sama keluarga meningkatkan keterujaan untuk cepat sampai. Tatkala memasuki bandar raya Pulau Pinang, lagu Boria Pulau Pinang diputarkan. Kami sekeluarga tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan suara.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020)

(8 markah)



SINTAKSIS : LATIHAN 1

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi dua ayat yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Terrarium ialah ekosistem mini atur tumbuhan yang diletakkan bunga dan hiasan comel sama ada dalam keadaan tertutup atau terbuka. Pemilihan pokok perlu diteliti bagi memastikannya tahan lama. Pemilihan balang juga amat penting untuk membolehkan pokok membesar. Pembuatan terrarium agak rumit, terutamanya menanam lumut di celahan batu dan kayu. Oleh sebab minat, penggemarnya sanggup menghabiskan masa berjam-jam untuk menyiapkan satu terrarium. Bekas terrarium yang paling sesuai daripada kaca lutsinar supaya boleh dilihat dari luar.

*(Dipetik dan diubah suai daripada
"Terrarium Obesesi Nazrol Ikhwan"
Oleh Arziana Mohmad Azaman, Sinar Harian, 20 Februari 2020)*

(4 markah)



PENYUNTINGAN : LATIHAN 1

*Petikan di bawah mengandungi **13 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Terompah tempurung adalah antara permainan sukan ekstrem yang masih popular pada semasa ini. Cara bermainannya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki.

Semasa bermain, akan terjadi pengecutan Otot terutama di bahagian bawah kaki dan perut yang menyebabkan kekuatan otot menaik. Apabila kerap dimakinkan, semakin tinggi daya tahan otot tangan dan kaki terhadap rintangan. Kemudian, emosi dan kesabaran dapat dipupuk. Pemain harus marah dan terus mengawal seimbang badan ketika berdiri dan melangkah kaki sedikit demi sedikit sehingga tiba pada garisan permulaan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu tingkatan 5
Dewan Bahasa dan Pustaka , 2020)

(13 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 1

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang datang bersembah kepada Sultan, “ Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian di bawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

*(Dipetik daripada,
“Burung Terbang Dipipiskan Lada”
dalam antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia)*

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 1

Lihat dan teliti gambar di bawah kemudian nyatakan **empat peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam gambar tersebut.



(4 markah)



4.2.1 (BM | T4)
2.3.5 (BM | T5)



2.2.1 (BMK | T4)
3.3.1 (BMK | T5)

PETIKAN UMUM : LATIHAN 1

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Di samping itu, nasi lemak dapat dijadikan contoh sebagai makanan kaum Melayu yang dapat memupuk perpaduan kaum di Malaysia dan ia sewajarnya dijadikan makanan kebangsaan Malaysia. Ia bukan sahaja menjadi kegemaran orang Melayu sebaliknya turut dipelopori oleh kaum Cina dan India. Sebagaimana yang kita ketahui, nasi lemak dahulunya hanya dihidangkan sebagai juadah pada pagi hari, tetapi sekarang ia telah menjadi juadah harian setiap kaum. Ia juga turut dihidangkan ketika rumah terbuka atau perayaan dan dijadikan salah satu menu utama di hotel-hotel di Malaysia. Lauk sampingan nasi lemak juga adalah seperti ikan, ayam, rendang ayam dan daging, sambal sotong kering atau ikan bilis, ayam goreng, dan paru goreng. Namun, ia juga bergantung kepada kemahuan pembeli itu sendiri untuk membuat pilihan sesuai dengan selera masing-masing.

(sumber : Internet)

Bahan 2

KUALA LUMPUR - Kepelbagaian bangsa, agama dan budaya di Malaysia secara tidak langsung memangkin kepada perkembangan variasi jenis makanan warisan yang mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

Tukang masak terkenal, Datuk Chef Ismail berpandangan, kemampuan sesuatu makanan warisan sebagai salah satu faktor untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama adalah tidak dinafikan.

“Makanan warisan seperti nasi lemak, rendang, roti canai, teh tarik, nasi kandar, char kuetiau dan dimsum seperti yang kita tahu adalah menu terkenal dalam kalangan rakyat Malaysia dan dimakan oleh semua rakyat.

“Misalnya pada bulan puasa, bukan setakat orang Islam yang datang mencari makanan tetapi pelbagai kaum didapati mengunjungi bazar Ramadan untuk mendapatkan beberapa jenis makanan warisan. Inilah situasi contoh makanan telah menyatukan bangsa,” katanya.

- i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud perpaduan kaum.
- ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan satu persamaan kepentingan masakan tradisional bagi rakyat Malaysia.
- iii) Pemilihan makanan barat seperti kentang goreng dan makanan berkeju sering menjadi pilihan rakyat Malaysia khususnya golongan muda berbanding makanan tradisional. Pada pendapat anda, mengapakah perkara sedemikian berlaku?
- iv) Industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memastikan makanan tradisi ini tidak ditelan dek zaman. Cadangkan usaha - usaha yang boleh dilaksanakan bagi membantu merealisasikan hasrat kerajaan ini.



PETIKAN SASTERA : LATIHAN 1

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1

GURINDAM DUA BELAS

(Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tiada senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (Penyelenggara)
Puisi Melayu Tradisi, 1996
Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Bahan 2

SEJADAH RINDU

Mohd. Haikal Aminuddin

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kau tetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

Kalam Pertama, 2013
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

Aku juga teringat akan jenaka sufi yang kubaca dalam 202 Jokes of Nasreddin Hodja yang kubeli di Capadocia. Nasreddin Hodja lahir di Horto dan dibesarkan di Aksehir, Turki semasa zaman pemerintahan Sultan Timur Leng. Tokoh pendidik berjiwa humoris itu gembira dengan cara hidup yang sederhana. Tiada pembaziran apatah lagi kemewahan. Dia gemar berserban putih dan memakai jubah putih polos daripada kain biasa. Dia disenangi oleh segenap lapisan masyarakat daripada rakyat biasa sehinggalah golongan raja. Jenakanya bersifat intelektual. Namanya masyhur di seluruh dunia dan kisah jenakanya ditulis dalam pelbagai bahasa. Tidak ada sebarang pemujaan dan pendewaan terhadap dirinya. Sehingga saat matinya pun, Nasreddin Hodja sempat meninggalkan wasiat berunsur jenaka kebumikanlah jenazahnya di tanah perkuburan lama agar malaikat terlepas pandang daripada menyoalnya!

1. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *pancaindera*.
2. Berdasarkan semua bahan, nyatakan ciri-ciri nilai murni yang ada.
3. Pada pendapat anda, mengapakah nilai-nilai murni ini penting perlu ada dalam diri manusia.
4. Nilai murni boleh memartabatkan masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama yang berteraskan prinsip yang mulia sama ada dalam agama, komuniti bangsa dan negara. Masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka adalah masyarakat yang bertamadun.

Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah caranya anda dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia.



NOVEL : LATIHAN 1

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ketiga, menggantikan lampu-lampu yang sedia ada kini dengan lampu yang mempunyai gelombang cahaya yang lebih rendah. Berdasarkan kajian dalam bidang *scotobiology* atau kajian tentang kesan kegelapan terhadap kitaran hidup manusia, haiwan dan tumbuhan menunjukkan bahawa gelombang cahaya yang terlalu tinggi bukan sahaja mengganggu kitaran haiwan yang aktif pada waktu malam dan tumbuhan dari segi pertumbuhan, pembiakan dan jadual mencari makan. Hal ini juga membawa kesan negative terhadap kesihatan manusia. Manusia yang terdedah kepada cahaya yang terlalu terang akan mengalami tekanan darah tinggi yang lebih tinggi dan juga masalah kesuburan. Bahkan, para saintis *scotobiology* sedang menunggu sahaja pengesahan daripada kajian-kajian mereka sama ada keterdedahan melampau manusia moden kepada cahaya buatan sebagai faktor penyebab penyakit arah.”

Sumber: Dipetik daripada Sri Rahayu Mohd Yusop, hlm. 104, 2015. Bimasakti Menari.Kementerian Pendidikan Malaysia)

a) Nyatakan kesan-kesan gelombang cahaya yang terlalu tinggi kepada manusia.

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, Karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca.



RUMUSAN : LATIHAN 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

KUALA LUMPUR: Malaysia kini memasuki gelombang ketiga pandemik COVID-19, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham mengingatkan rakyat supaya bersama berpadu tenaga untuk memutuskan rantaian penularan jangkitan seperti sebelum ini.

"Kita sekarang memasuki gelombang ketiga #COVID19. Sekali lagi kita mesti bersama berpadu tenaga memutuskan rantaian penularan jangkitan ini. #KitaJagaKita," katanya dalam hantaran di Facebook di sini, malam ini.

Hari ini sebanyak 375 kes baharu COVID-19 dicatatkan dengan semua negeri dan Wilayah Persekutuan kecuali Perlis mencatatkan kes baharu.

sumber: internet

Bahan 2

COVID-19
#KitaMestiMerang

JIKA ANAK ANDA MEMPUNYAI GEJALA YANG TERUK, SILA DAPATKAN RAWATAN SEGERA.

2/2

Demam, batuk, muntah atau cirit-birit yang semakin teruk

Kelesuan atau tidak aktif

Tiada selera makan dan minum

Sakit dada atau perut

Kesukaran bernafas

Tangan dan kaki sejuk

Sawan

HUBUNGI KLINIK KESIHATAN BERDEKATAN ATAU **999**

Putuskan Rantalan COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia

MyHEALTH

f

Twitter

YouTube

Instagram

Bersama Hentikan Wabak COVID-19
myhealthklm

SCAN ME

An infographic with a pink background. On the left, a cartoon girl with brown hair in a ponytail, wearing a blue shirt, is shown in profile with green virus particles around her head. To her right, a vertical list of seven symptoms is presented, each with a circular icon of a child and a text box. The symptoms are: 'Demam, batuk, muntah atau cirit-birit yang semakin teruk' (fever, cough, vomiting or diarrhea that is getting worse), 'Kelesuan atau tidak aktif' (lethargy or inactive), 'Tiada selera makan dan minum' (no appetite to eat and drink), 'Sakit dada atau perut' (chest or stomach pain), 'Kesukaran bernafas' (difficulty breathing), 'Tangan dan kaki sejuk' (cold hands and feet), and 'Sawan' (fainting). At the bottom left, there is a call to action: 'HUBUNGI KLINIK KESIHATAN BERDEKATAN ATAU 999' and 'Putuskan Rantalan COVID-19'. On the right side, there is a vertical column of logos and social media icons, including the Malaysian Ministry of Health logo, MyHEALTH, Facebook, Twitter, YouTube, Instagram, and a QR code labeled 'SCAN ME'.

Bahan 3



KURANGKAN RISIKO JANGKITAN **COVID-19:**



1. Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.

2. Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).





3. Pakai penutup mulut dan hidung (*mask*) sekiranya bergejala.

4. Pastikan anda menjaga kebersihan diri sepanjang masa.






[myhealthkkm](https://www.myhealth.gov.my)


www.myhealth.gov.my



Modul Aktiviti SPM KSSM Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 2


MORFOLOGI : LATIHAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama** dan **dua kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya**. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

JERTIH - Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan pakej teknologi pengeluaran padi berpenghasilan tinggi menerus pertanian menggunakan teknologi dron. Teknologi ini membolehkan pantauan udara terhadap tanaman itu dilakukan. Projek rintis dijalankan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, Besut dan membabitkan 200 petani dengan kawasan tanaman seluas 200 hektar. Dron berupaya untuk merakam imej kawasan seluas 140 hingga 950 hektar di dalam tempoh satu jam penerbangan bergantung kepada keadaan cuaca dan ketinggian penerbangan dron.

(Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4
Dewan Bahasa dan Pustaka 2009)

(8 markah)




SINTAKSIS : LATIHAN 2

Berdasarkan petikan di bawah, bina enam ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Kad pengenalan pada mulanya diperkenalkan oleh **pemerintahan Inggeris** di **Malaya Emergency [Registration Areas] Regulation 1948** bagi **membendung ancaman pengganasan komunis** pada **tahun 1948**. Kad pengenalan ini digunakan untuk tujuan **pengecaman dan pengagihan beras pada zaman darurat**. Oleh yang demikian, kad pengenalan yang pertama ini juga dikenali sebagai “kad beras” kerana catuan makanan pada zaman darurat memerlukan bukti pengenalan diri untuk mendapatkan beras. Walau bagaimanapun, kad pengenalan telah melalui pelbagai perubahan selari dengan peredaran zaman. Jika dahulu kad pengenalan hanya sekeping kertas biasa tetapi kini kad pengenalan mempunyai pelbagai fungsi dan ciri-ciri keselamatan.

Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4
Dewan Bahasa dan Pustaka 2019

(6 markah)



PENYUNTINGAN : LATIHAN 2

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Encik Shahrul : Saya telah menerima notis pembayaran bertunggak daripada pihak bank. Saya begitu tertekan kerana situasi ini boleh membawa kepada kebangkrapan jika tidak diselesaikan segera.

Puan Jasmin : Bagaimana hal ini boleh berlaku?

Encik Shahrul : Dua tahun lepas, saya dihipit masalah wang. Dalam keadaan terpaksa, saya telah menyerahkan kereta kepada seorang rakan. Dia menggunakan kereta tersebut dengan menyambung bayaran kepada pihak bank. Nasibnya, saya tidak mengganti nama saya sebagai pemilik asal. Kini, dia pula tidak dapat dihubungi.

Puan Jasmin : Oh, begitu! Pihak AKPK akan cuba membantu Encik Shahrul. Di AKPK, kami akan memberi kaunseling dan nasihat secara bersemuka tentang pengurusan kewangan, khususnya isu berkaitan dengan kredit.

Encik Shahrul : Terima kasih Puan Jasmin.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5
Dewan Bahasa dan Pustaka 2020)

Bahan 2

Pelaburan dalam pasaran saham bermaksud belian sebahagian daripada pemilikan sesebuah syarikat. Kebiasaannya, pelabur yang meyakini potensi sesebuah syarikat untuk terus berkembang dan mendapat keuntungan yang besar akan membeli saham syarikat tersebut. Walau begitu, ada juga di kalangan pelabur yang bertindak sebagai sepekulator, iaitu memberikan fokus terhadap pergerakan harga saham syarikat tanpa mengambil peduli tentang perniagaan yang dijalankan.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5
Dewan Bahasa dan Pustaka 2020)

(11 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 2

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah ia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Madapun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

*(Dipetik daripada,
'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia)*

(6 markah)




PERIBAHASA : LATIHAN 2



Berdasarkan karikatur di atas, senaraikan **dua peribahasa** yang menunjukkan perbezaan situasi yang dihadapi oleh kedua-dua pesakit. Kemudian **bina dua ayat** berdasarkan peribahasa yang dipilih.

(4 markah)



PETIKAN UMUM : LATIHAN 2

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Murid berkeperluan khas kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kita. Kebiasaan berita yang menonjol di muka akhbar atau media massa adalah murid cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum. Jarang sekali golongan murid ini mendapat tempat sewajarnya.

Siapakah sebenarnya kumpulan murid berkeperluan khas itu? Kumpulan ini terdiri daripada individu berkeperluan khas atau kurang upaya. Mereka mengalami kecacatan mental, bermasalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku termasuk gangguan komunikasi (pertuturan dan bahasa), hilang pendengaran, hilang penglihatan atau darjah penglihatan rendah, kecacatan fizikal dan golongan pintar cerdas. Dalam usaha untuk berlaku adil kepada semua, Kementerian Pendidikan tidak meminggirkan kumpulan murid kurang bernasib baik itu, malah memberikan perhatian istimewa.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Pendidikan Untuk Semua' Elak Tercicir
Berita Harian Online, 21 Disember 2019

Bahan 2

Secara umumnya, Pendidikan Khas merupakan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu terutamanya kanak-kanak berkeperluan khas atau kurang upaya. Menurut Mohd Najib Ghafar (2006), kanak-kanak berkeperluan khas ialah kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak sederhana ataupun biasa dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, tingkah laku fizikal, sosial ataupun emosi serta pelbagai kekurangan yang lain sehingga memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai ataupun memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan Pendidikan Khas agar dapat meningkatkan *keupayaan secara optimum*.

Sehubungan dengan itu, Akta OKU 2008 telah menyatakan dengan jelas dimana kanak-kanak berkeperluan khas ini berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Maka, institusi pendidikan terutamanya sekolah memainkan peranan penting bagi menyediakan sistem persekitaran dan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan murid-murid berkeperluan khas ini agar mereka dapat berkembang ke potensi yang maksima (Zalizan, 2009).

Dipetik dan diubahsuai daripada
PPI Bagi MBK di Malaysia
oleh Saiful Azam Khoo Abdullah
Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM

- i. Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *keupayaan secara optimum*.
- ii. Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan definisi (kategori) murid berkeperluan khas yang disenaraikan dalam kedua-dua bahan menggunakan ayat anda sendiri.
- iii. Sebagai tanda menyokong prinsip 'Pendidikan Untuk Semua'. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil langkah sewajarnya dengan memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib bagi semua kanak-kanak di Malaysia.

Selain daripada murid berkeperluan khas, senaraikan 3 golongan lain yang menjadi sasaran pihak kerajaan dalam Dasar Pendidikan Wajib bagi semua kanak-kanak di Malaysia.
- iv. Senario kini, kebanyakan ibu bapa tidak dapat menerima kenyataan apabila anak mereka ditempatkan di kelas pendidikan khas dan mereka akan menyembunyikan tentang perkara tersebut. Pada pendapat anda, apakah punca yang menyebabkan ibu bapa bertindak sedemikian?
- v. Sekolah Bimbingan Jalan Kasih yang terletak di Chow Kit KL amat istimewa kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah antara kemahiran yang diajar di sekolah tersebut?



PETIKAN SASTERA : LATIHAN 2

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam Rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongso
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing
Antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

PELAKON II: Bersabarlah, mak cik. Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian ini buat kita semua.

PELAKON III: Betul juga kata rakan saya tu. Peristiwa yang berlaku kepada Azmir mungkin berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang.

IBU: Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga dia masuk ke universiti.

ARIF: Betul mak cik, tetapi... masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapatkan kasih sayang yang secukupnya.

(IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah.)

PELAKON I: Pak cik, mak cik marilah kita sama-sama membantu Azmir. Dia amat memerlukan perhatian dan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan. Dia memerlukan semangat dan perangsang daripada kita semua, bukan kutukan dan hukuman.

PELAKON II: Kami lihat, Azmir seperti sedang menderita suatu penderitaan yang tidak tertanggung. Kutukan, cemuhan dan hukuman akan hanya menyebabkan sakit yang dialaminya menjadi lebih parah.

ARIF: Kami fikir, eloklah pak cik dan mak cik berjumpa dengan Azmir di hospital dengan segera sebelum terlambat. Dia amat memerlukan kita semua; lebih-lebih lagi, pak cik dan mak cik. Kami minta diri dulu.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'
oleh Sharif Shaary
antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Pantun Keluarga yang Bersatu

Berangkat pagi demi upacara,
Upacara di hari Senin,
Keluarga itu selalu ada,
Disaat kita kesusahan.

Habis dua itu angka tiga,
Habis empat itu angka lima,
Kasih sayang tiada duanya,
Di keluarga kita menemuinya.

Pulang sekolah hari Selasa,
Paling enak makan mengkudu,
Jangan lupa akan keluarga,
Mereka selalu merindukanmu.

Habis empat itu angka lima,
Habis dua itu angka tiga,
Keluarga bahagia tujuan kita,
Bahagia sepanjang masa.


(sumber : internet)

- I. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *anakku bakaku*.
- II. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan nilai-nilai kekeluargaan yang perlu ada oleh seseorang bagi menangani kekusutan dan masalah yang dihadapinya.
- III. Menurut statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, setiap tahun jumlah keluarga yang bermasalah semakin menunjukkan peningkatan.

Pada pendapat anda, apakah **faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerengangan hubungan kekeluargaan** dalam kalangan masyarakat di negara ini?

- IV. Pada suatu hari, anda menerima panggilan telefon daripada seorang kenalan anda. Berdasarkan penerangan kenalan tersebut, anda mengetahui bahawa dia bercadang untuk datang ke kampung anda dan menginap seketika di rumah anda bagi menjejaki anggota keluarga mereka yang sudah lama terpisah dan menetap disitu.

Sebagai sahabat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini?



NOVEL : LATIHAN 2

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Bengkel apa?” Mencapai gelas lalu meneguk beberapa teguk air sirap.

“Semua dalam satu.” Mata Waheeda merenung wajah manis Bazilah. Rambut ikal mayangnya disiputkan di tengah kepala dalam satu simpulan. “Orang cantik bagaimanapun keadaannya tetap cantik,” Eda menjuihkan bibirnya ke arah sanggul sejempit Bazilah.

“Bengkel keusahawanan dan keterampilan diri. Wanita kini harus lebih berketerampilan. Wanita timur yang ingin berjaya tidak semestinya hanya tahu menuntut hak sama rata antara gender seperti orang Barat. Dalam sektor perniagaan, lelaki dan wanita seharusnya bekerjasama sebagai rakan kongsi, yang penting kita harus mempunyai kesedaran diri, bijak mengubah sikap, bijak memimpin, menjana idea baharu dan kreatif, bijak membangunkan organisasi dan harus bersedia memindahkan kemahiran orang lain yang terbukti berkesan,” bersemangat sekali nada Waheeda mengimbau saranan daripada bengkel.

Dipetik daripada novel *Tirani*
karya Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

a) Apakah ciri yang perlu ada pada seseorang wanita untuk berjaya dalam perniagaan?

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, Karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan perwatakan yang menarik minat anda untuk menghabiskan bacaan novel sehingga ke penghujung.



RUMUSAN : LATIHAN 2

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1



Sumber: Ipendidikan, 5 September 2020

Bahan 2

“Berikan saya sepuluh remaja, nescaya akan saya gegarkan dunia ini,” begitulah lontaran suara Presiden Indonesia, Soekarno tentang kepentingan remaja yang merupakan tiang sandaran konkrit untuk memacu kemajuan negara pada masa hadapan. Malaysia amat memerlukan remaja berwawasan menelusuri arus pemodenan untuk melangkah dengan seribu kekuatan menerusi aktiviti sukan.

Persoalannya, apakah peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak untuk mengembalikan minat remaja untuk bersukan?

Ibu bapa menjadi cerucuk utama pembangunan keluarga dalam melahirkan remaja yang minat bersukan. Ibu bapa merupakan guru pertama dalam kehidupan anak-anak yang usianya masih *setampuk pinang* dan tidak mampu membezakan antara *intan dengan kaca*. Sebagai suri teladan, ibu bapa sewajarnya menunjukkan minat bersukan yang mendalam agar tidak dikatakan seperti aforisme *seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul*. Ibu bapa seharusnya mempengaruhi minda generasi muda untuk menjadikan aktiviti sukan sebagai rutin harian sejak kecil *seperti melentur buluh biarlah dari rebungunya*.

Peranan seterusnya dalam memupuk remaja meminati sukan digalas oleh pihak sekolah yang seyogianya memastikan semua pelajar menyertai aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah. Meskipun dasar 1Murid 1Sukan diwajibkan di semua sekolah, namun pihak sekolah harus membimbing pelajar-pelajar memenuhi impian agar tiada pelajar yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Pihak sekolah harus membetulkan tanggapan pelajar yang masih terbelenggu dengan cara berfikir yang sempit bahawa aktiviti sukan kononnya hanya untuk atlet sekolah sahaja serta mengganggu tumpuan pembelajaran.

Seorang cendekiawan Barat pernah memfasiqkan, “Pokok utama kemajuan sesuatu bangsa ialah jiwa yang hidup”. Berlandaskan kata-kata tersebut maka kerajaan harus menjalankan peranan dengan membina lebih banyak infrastruktur seperti pusat sukan dan taman rekreasi secara percuma bagi membolehkan rakyat terutamanya remaja berpeluang melakukan pelbagai aktiviti sukan. Keprihatinan kerajaan dengan menubuhkan sekolah-sekolah sukan di seluruh negara menjadi landasan terbaik untuk menyuburkan minat bersukan dalam kalangan anak-anak muda. Kerajaan juga sewajarnya menumpukan usaha dengan mencari jurulatih berpengalaman untuk membentuk ahli sukan bertaraf dunia.

Akhirulkalam, hurlurkan tanganmu, bukalah hatimu dan lapangkanlah mindamu untuk bersama-sama menyokong hasrat murni ke arah hidup sihat sejahtera kerana sukan memajukan masyarakat dan negara.

Sumber: Internet, 17 Oktober 2017





Modul Aktiviti SPM KSSM Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 3

MORFOLOGI : LATIHAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti dan **senaraikan empat kata ganti nama diri**. Kemudian anda dikehendaki **membina empat ayat sendiri daripada perkataan yang dipilih** untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Apabila kami Bersatu, tiada siapa boleh kalahkan kami,” balas Budin pula. Semaun nampak gementar dan keluar dari gelanggang dengan rasa kecewa.

“Beberapa hari yang lepas, buah rambutan rambutan di belakang rumah aku dicuri budak-budak. Aku agak mereka yang punya kerja. Pak Husin dan Pak Saidi tolong ajar budak-budak tu. Anak kita biar kurang makan asalkan jangan kurang ajar !” kata Dolah, ayah Semaun pula.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4
Dewan Bahasa dan Pustaka 2020)

(8 markah)



SINTAKSIS : LATIHAN 3

Baca petikan perbualan di bawah ini dengan telitinya, kemudian tulis perbualan itu semula ke dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.

- | | |
|-----------|---|
| Imran | : Bagaimanakah seminar peperiksaan yang dianjurkan oleh sekolah Yati semalam? Adakah seminar itu mencapai matlamatnya? |
| Norhayati | : Syukur, abang. Sambutannya sangat baik. Saya tidak sangka, banyak murid dari sekolah lain turut menyertai seminar itu. Pengetua sekolah saya memuji saya kerana kejayaan program ini. Beliau mengucapkan tahniah kepada saya, abang. Saya berasa seronok dan puas. |
| Imran | : Oh, ya! Yati, sepatutnya abang yang ucapkan tahniah kepada Yati dahulu. Tapi tidak mengapalah. Belum terlambatkan untuk abang mengucapkan tahniah kepada Yati? Tahniah, Yati. Nampaknya isteri abang ni sudah menempa kejayaan sendiri. Tercabar pula abang dengan Yati kali ini. |

(Dipetik dan diubah suai daripada drama “*Menggapai Pelangi*”
oleh Taha Abd Kadi dalam antologi Anak Global
Kementerian Pendidikan Malaysia)

(6 markah)



PENYUNTINGAN : LATIHAN 3

Petikan di bawah mengandungi 12 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalah-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih dari 12 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

“Oh ini baju lama! Sudah macam baju antik,” keluhku.

Beberapa hari kemudian, Jane kelihatan anggun memakai kurung biru yang di belinya mungkin atas nasihat guru-guru muda.

Satu ketika, kami berbual tentang perkara yang lebih serius, tentang bahasa dan budaya. Katanya, bahasa itu sebahagian daripada budaya sesuatu bangsa atau Negara. Untuk lebih mengenalkan budaya sesuatu bangsa, belajarlah bahasanya.

Suatu ketika yang lain, kami bercerita tentang hal-hal yang bersifat peribadi, diantaranya termasuklah pengalaman menggunakan tandas.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5
Dewan Bahasa dan Pustaka 2020)

“Awak askar melayu yang pertama menerimanya,” puji kapten Anderson. Sejak itu, Adnan mendapat perhatian istimewa daripada pegawai atasannya. Tidak lama kemudian, dia terpilih menjalani latihan pegawai di Singapura. Setelah menamatkan latihan, dia dinaikni pangkat sebagai leftenan Muda. Adnan dilantik mengetuai Platun ke-7, Kompeni C. Pemilihan itu berdasarkan prestasi cemerlang ketika menjalankan tugas. Itu merupakan sesuatu yang tidak pernah jangkakan olehnya. Satu kejayaan yang diperolehkan dalam masa yang amat singkat. Adnan memaklumi berita gembira itu kepada ayah dan ibunya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Leftenan Adnan Wira Bangsa
oleh Abdul Latip bin Talib)

(12 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 3

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal sekaliannya dipersembahkan oleh Bendahara ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia- mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

*(Dipetik daripada,
"Burung Terbang Dipipiskan Lada"
dalam antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia)*

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 3

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan **3 peribahasa** yang sesuai untuk melengkapkan tempat kosong dalam petikan tersebut.

Masyarakat moden mestilah berpaksikan sebuah masyarakat yang bermaklumat. Setiap maklumat itu pula hendaklah betul dan sahih sumbernya. Penyebaran _____(i) tidak seharusnya berlaku kerana akan memberi kesan negatif kepada anggota masyarakat dan mengundang perasaan curiga pihak luar terhadap bangsa kita. Jika perkara itu dilakukan oleh segelintir masyarakat sekalipun, maruah bangsa tetap terjejas kerana perbuatan itu samalah seperti _____(ii) Amalan negatif sebegitu hendaklah kita hindari agar masyarakat tidak dilabel sebagai berfikiran _____(iii) apabila tidak dapat membezakan berita itu benar atau palsu.

(3 markah)

- (i) _____
- (ii) _____, semuanya terpalit
- (iii) Setengah _____



PETIKAN UMUM : LATIHAN 3

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kemurungan dikatakan pembunuh senyap. Hal demikian kerana masalah kemurungan yang tidak dirawat dengan bantuan profesional akan mengakibatkan kemurungan kronik dan penyakit mental yang berkemungkinan berakhir dengan kematian. Mungkin ada sesetengah pihak yang ragu-ragu terhadap kebenaran ini. Mereka beranggapan bahawa penyakit mental ini tidak berbahaya berbanding dengan penyakit kronik yang lain, antaranya termasuklah sakit jantung, darah tinggi, dan sebagainya.

Memetik ceramah yang disampaikan oleh Dr. Ruzita Jamaluddin, Ketua Jabatan Pakar Psikiatri, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar yang bertajuk '*Menangani Stigma* Penyakit Mental' dalam Seminar Kesedaran Minda Sihat kepada Ketua-ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis pada bulan Julai 2016, penyakit mental dijangka menjadi penyakit kedua tertinggi yang dihidapi oleh rakyat Malaysia pada tahun 2020 selepas penyakit jantung.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kesedaran Minda Sihat'
oleh Ritah Yahaya
Dewan Siswa Bil. 10, 2020
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merangkumi lingkungan sosial dan alam sekitar. Faktor lingkungan sosial adalah seperti suasana kerja, bebanan tugas, dan sikap rakan. Faktor alam sekitar pula adalah seperti cuaca dan bencana alam. Faktor dalaman pula berkaitan dengan sikap seperti panas baran dan tidak mampu mengawal diri untuk menghadapi tekanan.

Apabila anda marah, kadar denyutan jantung dan tekanan darah akan meningkat. Selain itu, tahap hormon tenaga, adrenalina dan noradrenaline juga akan bertambah. Oleh itu, anda mungkin akan bertindak agresif terhadap orang yang dimarahi. Kemarahan yang tidak dikendalikan dengan baiknya boleh menimbulkan masalah yang lain pula. Perhubungan silaturahim juga akan terjejas.

- I. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *menangani stigma*.
- II. Merujuk kepada Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan bagi masalah kemurungan dan kemarahan serta nyatakan perbezaan bagi kesan masalah kemurungan dan kemarahan terhadap individu.
- III. Menurut Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukur Abdullah dalam Sinar Harian bertarikh 16 November 2020 berkata, “sebanyak 63 peratus daripada 1175 responden merasakan tahap stress harian mereka meningkat semasa COVID-19.”

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya masalah berkaitan emosi dalam kalangan rakyat di negara ini?

- IV. Semenjak pandemik COVID-19 melanda, anda dan adik anda terpaksa meneruskan pembelajaran secara atas talian di rumah. Sepanjang tempoh pembelajaran di rumah berlangsung, anda mendapati adik anda gagal memahami pembelajaran dengan baik dan tidak mampu menyiapkan tugas yang diberikan sehingga menyebabkan perlakuan adik anda berubah menjadi pmarah dan mengalami tekanan.

Sebagai abang/kakak yang prihatin, cadangkan langkah-langkah akan anda dilakukan bagi mengatasi masalah berkaitan emosi adik anda itu.



PETIKAN SASTERA : LATIHAN 3

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1

Gurindam Dua Belas

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memeliharakan tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah *fiil* yang tiada senonoh.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahmab Kaeh
Puisi Tradisional
Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Instabul*
Kementerian Pendidikan malaysia

Bahan 2

Pantun Nasihat (Bersatu hati)

Gunung tahan sama didaki,
Sungai Pahang sama direnang;
Jikalau semua bersatu hati,
Kerja yang payah menjadi senang.

Melangsir keris pusaka hikmat,
Keris sejarah sejak bahari;
Kalau gadis ingin selamat,
Jangan murah menjual diri.

Menanam bunga di dalam pasu,
Bunga melati, bunga pandan;
Jangan ikut hawa nafsu,
Kelak nanti binasa badan.

Nyiur muda dibuat pengat,
Mari dimakan bulan puasa;
Wahai pemuda hendaklah ingat,
Kerana mulut badan binasa

Orang berkelah di Tanjung Rhu,
Sambil memanggang si ikan sepat;
Hendaklah banyak menghadap guru,
Supaya terang jalan makrifat.

Rendang sungguh pohon ara,
Tumbuh subur tepi telaga;
Tidak salah berkenal mesra,
Tatasusila perlu dijaga.

Sumber diambil dari
<http://puisitradisionalunitaras.blogspot.com/2015/07/pantun-nasihatbersatu-hati.html>

- I. Berdasarkan bahan 1, nyatakan maksud 'fiil'. (2 markah)
- II. Berdasarkan semua bahan, huraikan kesan-kesan seseorang tidak menjaga dan memelihara kehormatan serta maruah diri.(4 markah)
- III. Andaikan seorang dalam kalangan ahli keluarga anda mempunyai sifat suka mengumpat keburukan dan mengambil tahu urusan orang lain sehingga menimbulkan ketidaktenteraman masyarakat.

Anda sebagai ahli keluarga yang terdekat, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut. (4markah)



NOVEL : LATIHAN 3

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Lia mesti tahu makna diadakan benda-benda ni, Kalau orang tanya, taklah melopong.

"Apa maknanya nek?"

"Sirih ni membawa maksud sifat merendah diri dan berani. Kapur berwarna putih pula bermaksud hati yang bersih."

"Gambir, pinang dan tembakau ni???"

"Dulu nenek menyongel. Rasa gambir ni kelat kepahit-pahitan. Gambir dikatakan membawa maksud hati yang cekal. Pinang ini jika dibelah dua akan nampak empulurnya yang keputihan yang bermaksud daripada keturunan yang baik-baik malah suka membuat sesuatu dengan hati yang terbuka dan bersungguh-sungguh. Manakala tembakau pula bermaksud sedia berkorban."

"Wah, tinggi betul maknanya! Jadi orang yang menyongel juga boleh dikatakan hebat, ya nek?"

Nek Kiah mengangguk.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*

karya Khairuddin Ayip

Kementerian Pendidikan Malaysia

- a) Nyatakan **maksud bagi setiap bahan yang digunakan dalam pembuatan sirih junjung** yang digunakan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu.

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan adnan wira bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, Karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa** dalam novel tersebut yang dapat **memberikan kesedaran kepada pembaca**.



RUMUSAN : LATIHAN 3

Baca petikan, dan teliti bahan grafik di bawah dengan teliti, kemudiannya buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal dalam petikan dan bahan.

Bahan 1

HARI KESIHATAN SEDUNIA 2017

KEMURUNGAN MARI BINCANG

Tidak upaya untuk menjalankan aktiviti harian

Berasa sedih dan putus asa

Hilang minat terhadap aktiviti yang digemari

Jika anda mengalami tanda-tanda di atas sekurang - kurangnya 2 minggu, bercakaplah dengan seseorang yang anda percaya dan dapatkan bantuan profesional

Kemurungan boleh dirawat

Talian Hotline Befrienders
03-7956 8145 (24 jam)
sam@befrienders.org.my
www.befrienders.org.my

Kementerian Kesihatan Malaysia

KKMPutrajaya

Bahan 2

Hari Kesihatan Mental Sedunia disambut pada 10 Oktober setiap tahun. Antara penyakit mental yang terus diberi fokus termasuklah kemurungan atau depresi. Kemurungan merupakan kecelaruan mental yang paling mudah dihidapi oleh manusia pascamoden. Laporan WHO sebelum era COVID-19 bertarikh 30 Januari 2020 menganggarkan bahawa sebanyak 264 juta manusia daripada pelbagai kelompok usia menghidap kemurungan.

Kecelaruan kemurungan yang berulang-ulang sangat berbahaya sekiranya tidak dirawat dengan segera secara klinikal. Pesakit akan mengalami hilang minat dan keseronokan dalam hidup. Selain itu, banyak pesakit kemurungan juga menghidap simptom kebimbangan (anxiety), iaitu dihimpit perasaan bersalah serta mengalami gangguan tidur dan selera makan yang tidak dapat diterangkan oleh diagnosis perubatan. Perlu diingat, banyak pesakit yang pulih daripada kemurungan apabila mereka dapat mengenal diri mereka kembali setelah mengikuti rawatan secara efektif.

Sumber: <http://www.sinarharian.com.my>

Jumaat, 23 Oktober 2020

Bahan 3



3.2.1 (BM | T4)
2.3.5 (BM | T5)

2.2.2 (BMK | T4)
3.3.1 (BMK | T5)



Modul Aktiviti SPM KSSM Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 4

MORFOLOGI : LATIHAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya**. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Tiba-tiba Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya mendengar bunyi *bugle* ditiupkan buat kali kedua. Bunyi tembakan musuh mula mereda, kemudian terus senyap. Tiba-tiba suara parau berkumandang di udara melalui satu corong pembesar suara.

"Polis, ooi pols, menyerah!" jerit Madera.

"Polis, baik menyerah! Awak semua sudah terkepung!" jerit Madera sekali lagi.

"Polis tidak menyerah, kami tidak akan menyerah!" jerit Othman Yusuf penuh semangat. Jeritan Othman Yusuf menaikkan bulu roma rakan-rakannya. Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya akur sahaja dengan jawapan Othman Yusuf tadi.

"Kita ke sini bukan untuk menyerah, kita menjalankan amanah dan tanggungjawab!" kata Sarjan Jamil Mohd. Shah kuat, memberikan semangat kepada anak buahnya.

"Polis tidak akan menyerah, kami akan lawan!" jerit kuat Sarjan Jamil Mohd. Shah. Anak buahnya sedang bertahan di dalam kubu masing-masing mematkan diri sambil bersiap sedia dengan senjata dihalakan ke arah musuh.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Bukit Kepong*, Ismail Johari, 1999, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(6 markah)



5.2.1 (BM | T4)
3.2.1 (BM | T5)



2.2.1 (BMK | T4)
3.2.2 (BMK | T5)

SINTAKSIS : LATIHAN 4

Berdasarkan petikan di bawah ini, **gabungkan ayat-ayat tersebut menjadi 3 ayat sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah struktur dan maksud asal petikan.**

Kemarau ialah bencana alam. Kemarau berpunca daripada cuaca panas. Kemarau berpunca daripada kurangnya hujan. Kemarau menyebabkan tanah kering-kontang. Tumbuh-tumbuhan banyak yang mati. Kegiatan manusia juga terhalang akibat ketiadaan air. Kemarau menyebabkan air terpaksa dicatu. Jabatan Bekalan Air terpaksa menyediakan tangki air di kawasan perumahan. Hal ini dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota masyarakat.

(6 markah)



PENYUNTINGAN : LATIHAN 4

*Dalam petikan 1, terdapat **tujuh kesalahan bahasa** manakala dalam petikan 2 terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Petikan 1


Pengayatan terhadap sejarah juga dapat dibentuk semangat patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan tentang sejarah dapat dilahirkan rasa bangga terhadap negara. Matapelajaran Sejarah mendedahkan tokoh-tokoh perjuangan tanah air kepada murid. Mereka akan mengenali perjuangan tokoh yang menantang penjajahan yang menindas rakyat di negara ini suatu ketika dahulu. Melalui sejarah, pengalaman masa lampu merupakan satu rujukan untuk dijadikan teladan dalam merencanakan masa hadapan.

Petikan 2

Taiping masih tetap keunggulan dengan ciri-ciri sejarahnya sehingga dikenalkan sebagai Bandar warisan. Pada 6 Mac 2019 pula, bandar Taiping telah diiktiraf sebagai bandar ke tiga terbaik dunia bagi kategori Anugerah 100 Destinasi Listari terbaik Dunia 2018 yang dianjurkan oleh 13 organisasi.

(Sumber : Majlis Perbandaran Taiping)

(13 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka, kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan.”

(Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 4

Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Sebaik-baik sahaja kerajaan melonggarkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa buah negeri, sebahagian besar masyarakat mula mengambil kesempatan untuk balik ke kampung halaman seperti menahan lukah di pergentian. Namun demikian, masih ada segelintir masyarakat yang mula lupa daratan kerana menganggap virus COVID-19 ini sudah dapat diatasi. Tuntasnya, masyarakat perlu peka kerana sakit sama mengadiah, luka sama menyiuik bagi memastikan negara kita bebas daripada virus ini sepenuhnya.

(4 markah)



PETIKAN UMUM : LATIHAN 4

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kesihatan aset penting dalam kehidupan manusia dan menjadi aspek utama dalam kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat atau negara. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu lah menjadi seorang yang *celik kesihatan*.

Kita tidak boleh bergantung kepada sistem dan kemudahan kesihatan semata-mata jika konsep gaya hidup yang betul tidak diamalkan. Kesihatan tidak hanya melibatkan soal makanan tetapi berkait rapat dengan proses gaya hidup seperti penjagaan diri dan emosi.

Selain pengambilan makanan tidak seimbang, merokok dan alkohol, masalah emosi dan tekanan mental juga merupakan salah satu punca kesihatan merosot dan kemudian timbulnya pelbagai penyakit.

Tekanan mental boleh berpunca daripada individu, jenis pekerjaan, tempoh bekerja yang panjang atau faktor persekitaran dan banyak lagi. Konflik dalam kalangan teman sekerja atau ketua antara sebab paling kerap ditemui.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Ubah gaya hidup lebih sihat
21 Februari 2020
Sinar Harian

Bahan 2

KEMURUNGAN



Antara punca:

Kemerosotan kesihatan fizikal, masalah sosial, masalah kewangan, pengambilan ubat-ubatan tertentu

TANDA & GEJALA

- Berasa sedih melebihi 2 minggu
- Mudah tersinggung
- Hilang keyakinan diri
- Sering mengalami perasaan bersalah
- Kerap memikirkan tidak mahu meneruskan lagi kehidupan harian
- Mengalami kesukaran untuk memberi tumpuan terhadap kerja atau perbualan
- Susut berat badan akibat kurang selera makan

KOMPLIKASI

- Keinginan/kecenderungan untuk membunuh diri
- Kesengsaraan yang kronik
- Hilang ingatan

RAWATAN

- Kaunseling & terapi psikologikal
- Pendekatan kerohanian
- Penggunaan ubat khusus anti kemurungan

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan *celik kesihatan*. (2 markah)
- ii. Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan punca-punca seseorang individu mengalami masalah tekanan mental. (4 markah)
- iii. Kegagalan menangani masalah mental atau sering mengalami gangguan mental boleh mendedahkan individu kepada penyakit mental yang lebih serius seperti kemurungan, kerisauan melampau, bipolar, dan skizofrenia.

Pada pendapat anda, apakah antara rawatan dan langkah yang boleh dilakukan bagi menangani atau mengurangkan masalah tekanan mental ini. (4 markah)
- iv. Jika ada rakan karib anda berkongsi masalah dengan menyatakan mereka menghadapi masalah tekanan mental akibat sering dibuli di sekolah, sebagai seorang yang prihatin terhadap masalah rakan anda, apakah cara ataupun langkah yang anda boleh cadangkan kepada rakan anda untuk mengatasi masalah yang dihadapi. (5 markah)

PETIKAN SASTERA : LATIHAN 4

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. “Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa *jiwa bangsa*. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.”

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsi’ oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Pantun Remaja

Rumpun sejajar pohonnya lada,
Di pinggir paya cuacanya redup,
Tekun belajar ketika muda,
Agar berjaya menempuh hidup.

Pohon melati di dalam taman,
Akar selirat dapat dilihat;
Berhati-hati memilih teman,
Jangan terjatuh kumpulan jahat.


Berarak mega di senja hari,
Sinar cahaya warna tembaga;
Mesti jaga harganya diri,
Maruah budaya serta keluarga.

Sulam tampalan baju kebaya,
Warnanya benang sungguh berseri;
Kumpul bekalan semampu daya,
Kelak senang kemudian hari

Abdul Halim "R"
Rampai Sari Pantun,
Institut Terjemahan dan Buku Malaysia

- I. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *bahasa jiwa bangsa*. (2 markah)
- II. Berdasarkan semua bahan, nyatakan nasihat-nasihat yang dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. (4 markah)
- III. Salah satu pendekatan yang digunakan untuk memulihkan semangat seseorang yang sedang dilanda musibah adalah melalui kata-kata nasihat.

Pada pendapat anda, apakah tujuan nasihat digunakan terhadap seseorang yang berada dalam keadaan sedemikian? (3 markah)



NOVEL : LATIHAN 4

(i) Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Di depannya sebuah bilik seluas 3×5 meter, yang dipagarkan jaring sebesar ibu jari. Dahlia merapati bilik kusam itu dengan hati tidak keruan. Terlihat di dalamnya seorang wanita sedang mencangkung. Melihat emaknya berpakaian compang-camping, rambut berserabut, dan muka penuh daki, terbetik rasa kepiluan. Untuk seketika dia kehilangan kata-kata.

(Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip, Kementerian Pendidikan Malaysia)

a) Nyatakan sebab-sebab Dahlia kehilangan kata-kata.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan adnan wira bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, Karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, terdapat banyak peristiwa yang boleh memberi keinsafan kepada pembaca. Berikan **tiga peristiwa** itu dan jelaskan hujah keinsafan anda.



RUMUSAN : LATIHAN 4

Baca petikan dan telti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak **melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1: Petikan

Kebanjiran pekerja asing termasuk pendatang tanpa izin (PATI) di negara ini tidak menunjukkan tanda akan reda, malah jumlahnya semakin bertambah dari tahun ke tahun. Mereka bermati-matian memasuki negara ini sama ada secara sah atau meyeludup masuk secara haram. Hasrat mereka adalah mencari rezeki rezeki bagi menyara keluarga masing-masing kerana Malaysia sudah menjadi lubuk emas pekerja asing mengaut rezeki. Di samping itu kedatangan mereka ke negara ini diruntun oleh pembangunan yang pesat selain banyak projek mega yang 'bagai cendawan tumbuh selepas hujan'. Projek-projek tersebut menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada sesiapa sahaja. Kesempatan inilah yang direbut oleh pekerja asing tersebut.

Golongan yang terdesak untuk mendapat pekerjaan ini mudah bolos ke negara ini. Hal ini ada kaitannya dengan aspek geografi kerana Malaysia dikelilingi oleh pulau dan pantai yang panjang dan luas. Faktor inilah yang menjadikan sempadan Malaysia sukar dikawal dengan berkesan. Kemasukan pekerja asing turut didorong pula oleh sikap majikan yang mengupah mereka dengan gaji yang murah kerana mereka bukan terdiri daripada tenaga kerja mahir. Sikap tamak majikan mengaut keuntungan daripada tenaga pekerja asing inilah membiakkan ejen yang mengurus kemasukan pekerja asing tanpa melalui saluran yang sah. Bagi pekerja asing pula, mereka tidak ambil peduli tentang perkara tersebut asalkan mereka dapat datang bekerja di Malaysia.

Kebanjiran pekerja asing ini telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat kerana menutup periuk nasi rakyat tempatan apabila secara terang-terangan sebahagian daripada golongan ini membuka perniagaan haram. Lebih memburukkan keadaan apabila golongan pendatang ini mula menunjukkan keberanian dengan mencabar undang-undang negara. Selain itu, mereka menjadi penyebar penyakit berjangkit seperti malaria, tibi, dan penyakit-penyakit yang diisytiharkan sudah tidak wujud di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Tanpa PATI
oleh Shamri Samran
Dewan Masyarakat, 7/2020

Bahan 2: Grafik





Latihan Pengukuhan Tatabahasa Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 1



MORFOLOGI : LATIHAN 5

Baca petikan akhbar di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata terbitan awalan. Kemudian anda dikehendaki membina ayat anda sendiri dengan setiap kata terbitan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

Pelajar cemerlang terharu terima kunjungan Ebit Lew

ADILA SHARINNI WAHIDI 11 Februari 2021


TUMPAT - Pelajar cemerlang yang kisahnya tular kerana tidak dapat menyambung pengajian di luar negara akibat kemiskinan terharu apabila dibantu pendakwah terkenal, Ebit Liew.

Nurul Asma Alya Mohd Zainal, 22, malah berkata, sumbangan yang diterima termasuk daripada orang ramai membolehkan kos pengajian perbelanjaan makanan dan keperluan kini sudah lebih daripada cukup.

"Saya berbesar hati menerima komputer riba, akses internet dan tajaan pembiayaan menyambung pengajian RM40,000 oleh Ustaz Ebit Lew. Rakyat Malaysia amat pemurah dan suka menderma. Saya terima banyak sumbangan termasuk daripada kerajaan dan pemimpin politik, kedatangan mengejut Ebit Lew bersama pasukan bantuan ke rumahnya di Kampung Banggol Petani, Wakaf Bharu di sini pada pagi Khamis itu sekali gus menukarkan angan-angannya bertemu penceramah bebas tersebut menjadi kenyataan.

(Sumber : dipetik daripada Sinar Harian)

(8 markah)



SINTAKSIS : LATIHAN 5

Berdasarkan petikan di bawah ini, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang digaris.

Isu pembuangan bayi pada zaman moden ini dikatakan sukar diselesaikan sepenuhnya memandangkan ia adalah masalah sosial yang berkait rapat dengan pelbagai faktor berkait. Faktor gejala ini berlaku antaranya adalah kerana pertambahan jumlah penduduk, penghijrahan belia dari desa ke bandar besar, longgarnya ikatan kekeluargaan dan pegangan agama dan bermacam-macam lagi. Walaupun ia sesuatu yang menyayat hati dan dianggap tidak berperikemanusiaan, tetapi itulah realiti yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Ia melambangkan si pelaku seolah-olah tidak ada akal dan perasaan apatah lagi sifat kasih sayang.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Sinar Harian
© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf)

(6 markah)



PENYUNTINGAN : LATIHAN 5

Dalam petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

TARIAN tradisional berkonsepkan kesenian etnik sememangnya istimewa, terutama dengan menampilkan pelbagai nilai murni turut seperti saling menghormati, semangat tolak ansur dan bekerjasama, selain menyangjung tinggi warisan tradisi. Kelebihan Sarawak yang ditinggal banyak etnik dan kaum secara tidak langsung mewujudkan pelbagai gerak tari yang menarik dan kaya dengan pelbagai perlambangan adat serta budaya unik.

Menjunjung tinggi tarian tradisi, Nor Malirozie Maliki, 39, bersama Awang Masromizan Awang Jemat, 32, sanggup berkorban dalam 'perjuangan' mereka menghidupkan kembali kemasyhuran seni budaya yang semakin dilupakan itu.

Bagi pasangan suami isteri ini, seni tradisi itu molek dijaga bagi memastikan ia kekal untuk diwarisi generasi masa depan agar mengenali budaya mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
Suami isteri gigih pertahankan kesenian Tradisi Sarawak
Berita harian, 8 November 2019

Petikan 2

Ikhmal: Hai, Vincent, Awak sedang buat apa?

Vincent: Hai, Ikhmal. Saya tidak sedar akan kedatangan awak. Tiba-tiba sahaja awak muncul. Saya sedang dalam membersihkan kamera saya.

Ikhmal: Tahniah, Vincent! Gambar foto awak telah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan fotografi sekolah kita.

Vincent: Terima kasih. Saya pun tidak akan menyangka bahawa gambar foto saya akan terpilih. Maklumlah, ini kali pertama saya memasuki pertandingan fotografi. Tambahan pula, gambar foto peserta peserta lain yang ditunjukkan di dalam dewan sekolah sepanjang bulan lepas bagus belaka.

(11 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 5

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata,itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak,katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya.”

(Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia)

Tun perak tidak menjawab kata-kata Seri Amerta itu.

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 5

Petikan dialog di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa yang dijumpai kemudian bina ayat sendiri yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut untuk menunjukkan kefahaman anda terhadap peribahasa tersebut.



Amira : Anak- anak tidak wajar menempatkan ibu bapa mereka di rumah orang tua-tua kerana tindakan itu merupakan perbuatan yang sangat terkutuk dalam ajaran agama Islam

Jannah: Untuk menunaikan tanggungjawab terhadap orang tua, maka adik-beradik hendaklah bersepakat dan berjanji untuk menjaga ibu bapa secara bergilir-gilir, barulah dapat dikatakan yang berat sama dipikul , yang ringan sama dijinjing.

Amira: Namun begitu, usahlah berjanji seperti menanam tebu di bibir sehingga akhirnya seorang sahaja yang terbeban. Perlakuan seperti itu sendiri itu memperlihatkan keperibadian orang yang buta hati kerana sanggup membebankan adik-beradik.

(4 markah)



Latihan Pengukuhan Tatabahasa Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 2



MORFOLOGI : LATIHAN 6

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asal.

Filem patriotik seperti Tanda Putera dan 1957 Hati Malaya kurang mendapat sambutan baik daripada penonton. Karyawan juga kita lihat bimbang untuk terus melahirkan karya seperti itu lagi. Elemen sejarah yang mengaitkan pemimpin atau seorang tokoh juga sering digunakan sebagai daya tarikan. Sejarah penubuhan dan ulang tahun Hari Kebangsaan perlulah diuar-uarkan oleh stesen televisyen dan radio. Entah mengapa, penonton lebih teruja menonton filem kenegaraan dan patriotik yang dihasilkan oleh pembikin filem luar negara. Garapan filem yang menarik perlu dihasilkan oleh karyawan dalam usaha mendidik sambil menghiburkan penonton.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
“Panggung sinema Kita Tandus Filem Patriotik”)

(6 markah)



SINTAKSIS : LATIHAN 6

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asal.

Filem patriotik seperti Tanda Putera dan 1957 Hati Malaya kurang mendapat sambutan baik daripada penonton. Karyawan juga kita lihat bimbang untuk terus melahirkan karya seperti itu lagi. Elemen sejarah yang mengaitkan pemimpin atau seorang tokoh juga sering digunakan sebagai daya tarikan. Sejarah penubuhan dan ulang tahun Hari Kebangsaan perlulah diuar-uarkan oleh stesen televisyen dan radio. Entah mengapa, penonton lebih teruja menonton filem kenegaraan dan patriotik yang dihasilkan oleh pembikin filem luar negara. Garapan filem yang menarik perlu dihasilkan oleh karyawan dalam usaha mendidik sambil menghiburkan penonton.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
"Panggung Sinema Kita Tandus Filem Patriotik")

(6 markah)




PENYUNTINGAN : LATIHAN 6

Petikan di bawah mengandungi 13 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Semua pihak tidak perlu memberikan tumpuan kepada jumlah gred A semata. Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dengan capai kemahiran insan perlulah dititikberatkan. Hanya dengan memiliki keseimbangan di antara dua komponen ini, pelajar kita akan mampu berlumba dalam pasaran kerja dengan jayanya. Untuk menolong setiap pelajar memiliki segala kemahiran insaniah yang diperlukan, mereka perlulah libatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang anjur oleh sekolah dan institusi pendidikan. Selain itu penglibatan dalam pelbagai program antara bangsa juga membantu dalam meningkatkan kemahiran insaniah mereka, terutamanya kemahiran berkomunikasi di dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Mohammad Shatar bin Sabran.
"Jangan Kejar Gred A Semata-mata" dlm. Sinar Harian, 9 Februari 2020)

(13 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 6

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asal.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?"

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antalogi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Nyatakan **dua peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan**. Kemudian, **bina satu ayat daripada setiap peribahasa tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya**.

Pak Man : Lebih baik kamu kurangkan makanan yang bergula dan berlemak, Azmin.

Azmin : Baik Pak Man. Saya akan menjaga pemakanan saya.

Pak Man : Kalau sudah terkena penyakit seperti diabetes, darah tinggi, dan serangan jantung macam Pak Man, waktu itu kenalah makan ubat sahaja. Jadi, lebih baik kamu beringat-ingat dari sekarang agar tidak menyesal pada kemudian hari.

Azmin : Baik, Pak Man. Saya akan beringat-ingat mulai sekarang.

Pak Man pun begitu juga, kalau pergi ke mana-mana, jangan lupa bawa ubat. Pak Man perlu bersedia. Bukan senang hendak mencari ubat di tempat orang.

(4 markah)






Latihan Pengukuhan Tatabahasa Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 3




MORFOLOGI : LATIHAN 7

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **satu kata ganti nama diri kedua**, **dua kata ganti nama ketiga** dan **satu kata ganti umum / tak tentu**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.



(8 markah)



SINTAKSIS : LATIHAN 7

Tukar tiga ayat bersusunan biasa di bawah ini kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

1. Pesakit itu rebah dengan tiba-tiba.
2. Lelaki itu berjaya juga ke puncak akhirnya
3. Rantai mutiara itu untuk Ibu

(6 markah)




PENYUNTINGAN : LATIHAN 7

Dalam petikan di bawah terdapat 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat di dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

DiMalaysia, pengguna bahasa asing khususnya bahasa English dilihat lebih diutamakan berbanding penggunaan bahasa Melayu sebagai medium Bahasa utama di negara ini. Walaupun undang telah ada namun penguatkuasa bahasa kebangsaan dalam perbagai bidang utama seperti pendidikan, perniagaan, iklan dan komunikasi masih banyak tidak diindahkan dan kurang utama berbanding penggunaan bahasa Inggeris.

Dipetik dan diubahsuai daripada
<https://www.sinarharian.com.my>

(11 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 7

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asal.



Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

Setelah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, "Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kebinasakan?"

(Dipetik daripada prosa traditional "Kepimpinan Melalui Teladan" dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Tingkatan 4, Kementerian Pendidikan Malaysia)



(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 7

Baca petikan di bawah ini, kemudian senaraikan empat peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam dialog tersebut.

Nek Kiah sering menasihati cucu-cucunya supaya berjimat cermat dan menyimpan wang untuk digunakan pada masa hadapan. Namun begitu, mereka tidak menghiraukannya. Dia berkata demikian setelah melihat tabiat berbelanja cucu-cucunya yang terlalu boros dan sering kehabisan duit di tengah bulan. Sikap menabung perlu diterapkan tanpa mengira usia sebagai bekalan disaat kecemasan dan kegunaan masa hadapan.



(4 markah)





Latihan Pengukuhan Tatabahasa Murid Berkeperluan Khas (MBK)

Kertas 2 : Set 4



MORFOLOGI : LATIHAN 8

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung yang disenaraikan untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menukarkan imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Santan kelapa mengandungi asid lemak tepu yang mempunyai rantaian sederhana dengan pelbagai manfaat yang menakjubkan untuk kesihatan. Selain itu, santan kelapa adalah tinggi serat serta kaya dengan vitamin B1,B3,B5, B6, C dan E. Terdapat tiga jenis asid lemak tepu di dalam santan iaitu, asid laurik, asid kaprilik dan asid kaprik. Kajian menunjukkan kandungan tenaga dalam santan segar lebih tinggi berbanding santan segera. Namun majoriti masyarakat lebih gemar menggunakan santan segera kerana mudah diperoleh di pasaran, mudah disimpan, tahan lama dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

(Dipetik dan diubah suai
daripada 'Nilai Organoleptik Santan
Segar dan Santan Segera' Dewan Kosmik, Bil.12,2019)

(8 markah)




SINTAKSIS : LATIHAN 8

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan nyatakan pola ayat bagi semua ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS) atau Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA).

Guru disiplin sedang menasihati murid-murid yang ponteng sekolah itu. Kebanyakan pelajar yang ponteng itu berasal dari keluarga yang bermasalah. Para pendidik sangat tercabar dengan kenakalan mereka. Cikgu Rosli guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah berkenaan. Semua pelajar itu diasingkan di belakang kelas oleh guru tingkatan masing-masing. Mereka perlu menghadiri sesi kaunseling bersama kaunselor sekolah pada keesokan hari.

(6 markah)




PENYUNTINGAN : LATIHAN 8

*Dalam petikan di bawah terdapat **11 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap perkataan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Vandalism ialah perbuatan merosakkan harta benda samaada harta sendiri atau harta awam. Perbuatan ini dilakukan oleh individu tidak bertanggung jawab yang mengenepikan kepentingan awam. Perbuatan buruk ini juga akan mengaibkan orang ramai dan pencemaran pemandangan. Banyak usaha-usaha yang dilakukan untuk menangani gejala tersebut. Antaranya, kempen cintai kemudahan awam diterbitkan oleh kerajaan. Selain daripada itu, penguatkuasaan undang-undang hendaklah melaksanakan dengan tegasnya.

(11 markah)



BAHASA MELAYU STANDARD : LATIHAN 8

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.


Maka titah baginda, “Baiklah.”

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya : pertama, Majapahit ; kedua, Pasai ; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu Bendahari.

(Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’,
muka surat 33 dalam Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

(6 markah)



PERIBAHASA : LATIHAN 8

Baca dialog di bawah ini dengan telitinya, kemudian nyatakan **4 peribahasa** yang sesuai dengan dialog tersebut.

- Rashid : Apabila membicarakan soal keruntuhan akhlak golongan remaja, kita tidak *wajar menyalahkan pihak lain*. Sebaliknya kita perlu bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menangani masalah tersebut.
- Amalia : Saya setuju dengan pendapat awak. Malangnya, terdapat sesetengah ibu bapa yang *enggan mengaku kepincangan yang berlaku* dalam institusi keluarga mereka. Perlakuan sumbang anak-anak mereka itu tidak dapat disembunyikan lagi.
- Raudah : Kebejatan sosial ini tidak akan timbul sekiranya anak-anak dididik atau *diasuh dengan baiknya semasa kecil lagi*. Apabila sudah dewasa, agak *susah anak-anak hendak mendengar teguran ibu bapa mereka*.
- Amalia : Ibu bapa terlalu memanjakan dan memberikan kebebasan keterlaluan kepada anak-anak mereka. Jika berlaku sesuatu yang memalukan.

(4 markah)



Skema Jawapan



BAHAGIAN A : MORFOLOGI 1

Kata kerja:

1. Memasuki
 1. Tiada sesiapa pun yang berani **memasuki** gua itu.
2. Diputarkan
 1. Andai masa dapat **diputarkan** kembali
3. Menyumbangkan
 1. Pak Ali **menyumbangkan** sedikit wang bagi membiayai kos pembinaan masjid itu.

Kata adjektif:

1. Lancar
 1. Dia membaca buku dengan **lancar** sekali
2. Jauh
 1. Mereka datang dari **jauh** dan dekat
3. Membosankan
 1. Drama yang ditayangkan itu **membosankan**.
4. Keterujaan
 1. Motivasi yang diberikan dapat menimbulkan **keterujaan** pada para peserta untuk terus berusaha.

BAHAGIAN A : SINTAKSIS 1

Skema jawapan:

Ayat subjek : terrarium

Ayat predikat : ialah ekosistem mini atur tumbuhan yang diletakkan bunga dan hiasan comel sama ada dalam keadaan tertutup atau terbuka

Ayat subjek : Bekas terrarium yang paling sesuai daripada kaca lutsinar

Ayat predikat : supaya boleh dilihat dari luar.

BAHAGIAN A : PENYUNTINGAN 1

Skema jawapan:

1. Adalah = Merupakan
2. Ekstrem = rakyat
3. Semasa = masa
4. Permainannya = bermainnya
5. Otot= otot
6. Menaik = meningkat
7. Apabila = semakin
8. Kemudian = selain itu

9. Marah = bersabar
10. Melangkah = melangkahakan
11. Seimbang = keseimbangan
12. Pada = di
13. Permulaan = penamat

BAHAGIAN A : BAHASA MELAYU STANDARD 1

Maka setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar berita tu, baginda menitahkan supaya menghimpunkan semua rakyat di pelosok negeri supaya berhimpun di Melaka. Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka bersama-sama dengan anak isteri mereka sekali. Orang Kelang datang menghadap Sultan, “ Ya tuanku, rakyat di teluk rantau yang lain hanya kaum lelaki yang datang menghadap tuanku, tetapi patik di bawa menghadap oleh Tun Perak dengan kaum perempuan sekali.”

BAHAGIAN A : PERIBAHASA 1

Cadangan jawapan :

- 1.kura-kura di dalam perahu, pura-pura tidak tahu
- 2.seperti anjing dengan kucing
3. melentur buluh biarlah dari rebungnya
4. seperti katak di bawah tempurung
5. sediakan payung sebelum hujan

BAHAGIAN B : PETIKAN UMUM 1

Cadangan jawapan

- i)Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *perpaduan kaum*.
- ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan satu persamaan kepentingan masakan tradisional bagi rakyat Malaysia.
- iii) Pemilihan makanan barat seperti kentang goreng dan makanan berkeju sering menjadi pilihan rakyat Malaysia khususnya golongan muda berbanding makanan tradisional. Pada pendapat anda, mengapakah perkara sedemikian berlaku?
- iv) Industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memastikan makanan tradisi ini tidak ditelan dek zaman. Cadangkan usaha - usaha yang boleh dilaksanakan bagi membantu merealisasikan hasrat kerajaan ini.

BAHAGIAN B : PETIKAN SASTERA 1

Cadangan Jawapan

i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud anakku bakaku.

...anakku bakaku : anak itu merupakan keturunannya.

ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan nilai-nilai kekeluargaan yang perlu ada oleh seseorang bagi menangani kekusutan dan masalah yang dihadapinya.

- Bahan 1: menjadi penawar dalam hati – embun cinta atasi angin dingin

- Bahan 2: mendapatkan perhatian – mendapatkan kasih sayang – mendapatkan kata-kata semangat atau kata-kata perangsang.

- Bahan 3: kasih sayang tiada duanya – jangan lupa akan keluarga

iii) Menurut statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, setiap tahun jumlah keluarga yang bermasalah semakin menunjukkan peningkatan.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kerenggangan hubungan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat di negara ini?

- anak-anak yang tinggal berasingan daripada ibu bapa

- nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan yang semakin dilupakan oleh ibubapa/anak

- sikap ibu bapa yang terlalu mementingkan urusan kerja.

